

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	18 May 2015

BN boleh menang PRU akan datang

UM-18/5/2015

KUALA LUMPUR 17 Mei - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Barisan Nasional (BN) boleh memenangi Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang jika beliau mendapat sokongan bagi meneruskan program transformasi, selain parti-parti komponen kekal bersatu.

"Jika kita memberi tumpuan kepada politik membina dan bukannya politik yang merosakkan, kita akan berjaya. Jika kita memberi tumpuan kepada kerja dan bukannya mempercayai dan menyebarkan khabar angin, putar belit dan perkara separuh benar, kita akan berjaya," kata beliau dalam catatan terbaharunya dalam blog NajibRazak.com hari ini.

Dalam catatannya itu, Najib menyenaraikan 13 tuduhan dan dakwaan yang dilemparkan ter-

hadapnya dan kerajaan, selain memberi maklum balas beliau berhubung perkara itu.

Antara isu berkenaan ialah mengenai kematian wanita Mongolia Altantuya Shaariibuu, Malaysia Development Bhd (IMDB), Bantuan Rakyat Malaysia (BRiM) serta tindakan afirmatif untuk Bumiputera.

Najib berkata walaupun semua orang bebas mengkritik dan menyenaraikan semua 'kegagalan' beliau, adalah penting juga untuk mereka menyedari "sejauh mana pencapaian kita dalam tempoh enam tahun lepas, dalam usaha memberikan pandangan yang adil mengenai sesuatu."

Najib berkata, 'penambahbaikan sedang berlaku di depan mata kita' tetapi beliau tahu bahawa ramai akan melihat kepada yang

buruk dan terus bercakap mengenai khabar angin, perkara separuh benar dan putar belit yang tidak berkesudahan.

"Mereka terus percaya bahawa 'akhir amat dekat' dan bahawa pembangkang akan menang. Ia merupakan dakwaan yang dibuat berulang-ulang kali dalam tempoh lima dekad yang lalu, namun kita masih di sini," kata Presiden UMNO itu.

Najib berkata, Program Transformasi yang dilancarkan pentadbirannya lima tahun lepas mula menampakkan impaknya dan 'inilah yang benar-benar penting buat rakyat'.

"KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar) kita meningkat kira-kira 5-6 peratus sejak saya mengambil alih (jawatan) dan kita juga berada di landasan baik untuk mencapai ekonomi maju menjelang 2020," kata beliau.

- BERNAMA